



Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.4 (78)

Tarikh : 14 Mac 2015

SIARAN MEDIA

Program Transformasi Sosial (PTS) Tingkat Kesejahteraan Hidup

Teluk Kumbar, 14 Mac 2015—Program Transformasi Sosial (PTS) Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Rumah Pangsa, Bandar Baru Teluk Kumbar, Pulau Pinang telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau pada petang ini.

2. KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang menganjurkan PTS yang melibatkan kerjasama antara jabatan /agensi di bawah KPKT serta beberapa agensi Kerajaan yang lain antaranya ialah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Pelancaran PTS ini akan memperlihatkan penglibatan agensi Kerajaan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang meningkatkan mutu kehidupan dan kesejahteraan hidup masyarakat setempat seperti yang berikut:

i. Program Bomba Komuniti

Objektif Penubuhan Pasukan Bomba Komuniti (BK) ialah:

- Menyampaikan dan menjelaskan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada masyarakat setempat;
- Meningkatkan budaya keselamatan kebakaran dan amalan pencegahan di kalangan masyarakat setempat;
- Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat setempat tentang penggunaan peralatan pemasangan keselamatan kebakaran;
- Memperluaskan "*networking*" dikalangan pemimpin masyarakat setempat, badan bukan kerajaan (NGO) dan ahli professional dengan JBPM;
- Memupuk semangat keperihatinan dikalangan masyarakat setempat.

Fungsi Pasukan Bomba Komuniti ialah setiap ahli akan bertindak sebagai “ejen” kepada Jabatan merangkumi aspek-aspek berikut:

- Menyalurkan pengetahuan dan penghayatan keselamatan kebakaran di premis kediaman masing-masing secara teori dan praktikal;
- Memastikan keseluruhan komuniti memahami prosedur membuat panggilan kecemasan kepada JBPM atau balai-balai yang berhampiran;
- Memahami kaedah mengguna media pemadaman seperti Alat Pemadam Api dan Salur Bantu Mula;
- Memahami tatacara pelepasan diri atau pengungsian daripada bangunan semasa kecemasan atau kebakaran;
- Membantu JBPM bagi penjagaan pili bomba dan pemasangan keselamatan kebakaran yang terdapat di kawasan komuniti, dan
- Bertindak sebagai perantara diantara JBPM dengan mangsa kebakaran bagi tindakan susulan dan bantuan seperti mendapatkan maklumat dan laporan serta membantu *one stop centre* JBPM.

Peringkat awal penubuhan Penubuhan Pasukan Bomba Komuniti (BK) ini adalah seramai 17 orang wakil penduduk bagi setiap blok Rumah Pangsa Bandar Baru Perda ini telah dipilih dan diberi latihan asas kebombaian. Bilangan ahli dan latihan berkala akan ditingkatkan dari semasa ke semasa

ii. **Program Bandar Selamat**

Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan langkah-langkah pencegahan jenayah yang mudah dan sediakala dilaksanakan dengan kos yang minimum dan kemudiannya diserap sebagai sebahagian daripada fungsi operasi harian PBT. Salah satu contoh langkah tersebut adalah penyediaan pencahayaan yang mencukupi, landskap dan kebersihan di kawasan sasaran jenayah. Program Bandar Selamat 2010 mengandungi 3 Strategi dan 15 Langkah Pencegahan Jenayah.

iii. **Program COMBI**

COMBI adalah singkatan dari Communication for Behaviourial Impact. Program yang di asaskan oleh *World Health Organization* (WHO) dan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). COMBI merupakan satu pendekatan dinamik yang menggunakan strategi mobilisasi social dan komunikasi untuk mempengaruhi perubahan tingkah laku dalam kalangan individu, keluarga dan komuniti ke arah tingkah laku yang sihat.

COMBI dibangunkan berasaskan teori-teori perubahan tingkahlaku, komunikasi dan pemasaran. Pendekatan yang menyeluruh lagi fleksibel dalam merancang, melaksana dan memantau tindakan-tindakan mobilisasi social dan komunikasi

yang boleh diubahsuai mengikut objektif-objektif tingkah laku yang telah dipilih. Bagi melaksanakan program COMBI, 5 prinsip asas yang menggunakan strategi komunikasi secara bersepadu hendaklah diamalkan iaitu:

- Kerahan Pentadbiran / Perhubungan Awam dan Advokasi (*Administrative Mobilization / Public Relation / Advocacy*);
- Kerahan Masyarakat (*Community Mobilization*);
- Pengiklanan (*Advertising*);
- Penyampaian Peribadi/ Komunikasi Interpersonal (*Personal Selling / Interpersonal Communication*); dan
- Promosi di Pusat Perkhidmatan(*Point-of-Service Promotion*).

Matlamat COMBI ialah:

- Menggerakkan pelbagai sector komuniti untuk menangani isu denggi dalam komuniti;
- Mewujudkan tanggungjawab bersama dalam komuniti; dan
- Mempengaruhi serta mengukuhkan keputusan/ tingkahlaku/ norma social dalam komuniti.

Bagi penubuhan awal COMBI untuk PTS Rumah Pangsa Teluk Kumbarini, seramai 5 orang wakil penduduk daripada setiap 7 blok telah dipilih sebagai sukarelawan COMBI yang akan ditugaskan untuk memantau kawasan persekitaran bagi memastikan ianya bersih dan selamat daripada bahaya aedes dan denggi.

Majlis pada petang ini diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT; pegawai-pegawai kanan KPKT, JBPM, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD); Pegawai Kemajuan Negeri Pulau Pinang; pemimpin-pemimpin tempatan; dan penduduk setempat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Ladskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Solid Waste Corporation Malaysia, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my